

07 SEP 2003

Pelajar-Penghargaan

PELAJAR MALAYSIA BERI PENGHARGAAN KEPADA DR MAHATHIR

Oleh: Neville D'cruz

MELBOURNE, 7 Sept (Bernama) -- Para pelajar Malaysia di sini memberikan penghargaan terhadap kepimpinan cemerlang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mereka mengadakan sambutan Hari Kebangsaan Malaysia semalam.

Penghuni di Dewan Malaysia, tempat sambutan itu diadakan, turut mendeklamasikan sajak Dr Mahathir "Perjuangan Belum Selesai". Kumpulan koir Dewan Malaysia turut menyanyikan beberapa lagu patriotik termasuk Jalur Gemilang, Kerana Mu Malaysia, Dirgahayu Tanahair Ku, Perwira dan Warisan.

Pengarah Jabatan Pelajar Malaysia di Australia, Abdul Rahman Salim membacakan perutusan Hari Kebangsaan daripada Dr Mahathir pada perhimpunan itu.

Perdana Menteri menggesa pelajar menguasai bahasa Inggeris yang merupakan bahasa dunia dan mengingatkan mereka agar mendapatkan pengetahuan baik dan tekun dalam pembelajaran mereka.

Presiden Dewan Malaysia, Zaharah Abu Bakar, pelajar peringkat ijazah falsafah di University of Melbourne, berkata pelajar berkenaan menghargai jasa Dr Mahathir yang telah "menjadikan Malaysia sebuah negara yang cemerlang".

"Mereka sedar bahawa mereka perlu meneruskan wawasan dan usaha gigih pemimpin kita ke arah kemajuan dan perpaduan negara," katanya.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia, Hussin Nayan, yang merasmikan sambutan Hari Kebangsaan itu menggalakkan para pelajar bercampur gaul dengan bangsa dan warganegara lain.

Beliau juga mengingatkan mereka agar tidak menjadikan Dewan Malaysia sebagai "enklaf kecil Malaysia", tetapi membuka pintu kepada semua pelajar untuk mengambil bahagian dalam semua aktiviti dan perhimpunan.

-- BERNAMA

NDC RHM